

Headline **Saintis kaji parasit jangkiti monyet**  
Date **11 May 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **12**  
Article Size **316 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **13,922**  
PRValue **41,766**



# Saintis kaji parasit jangkiti monyet

Manusia juga boleh dapat jangkitan jika makanan, minuman dicemari najis kera liar

Mohd Azis Ngah

**K**UALA LUMPUR: Saintis dan pakar kajian hidupan liar tempatan mengesahkan kera boleh dijangkiti virus SIV (Simian immunodeficiency virus) dan virus Simian foamy (SFV), seakan-akan virus HIV (human immunodeficiency virus), tetapi belum ada kajian rasmi dibuat mengenai risiko jangkitan kedua-dua virus itu kepada manusia.

Mereka juga memberi jaminan kera tidak boleh menjadi sumber HIV dan setakat ini tiada laporan rasmi virus itu boleh berjangkit secara semula jadi kepada manusia, tetapi kajian peringkat antarabangsa mendapati ada spesies kera cimpanzi menghidap HIV-1 yang menjadi punca AIDS, berpunca akibat memakan daging monyet dan membentuk virus hibrid.

Penyelidik antarabangsa percaya virus cimpanzi adalah hibrid daripada SIV yang saling berjangkit antara dua monyet berbeza iaitu spesies Mangabey merah (*Cercocebus torquatus*) dan monyet hidung besar (*Cercopithecus nictitans*).

Kajian dilaporkan *National Geographic* pada 2003 menunjukkan persamaan ketara antara jangkitan SIV daripada cimpanzi dan jangkitan HIV kepada manusia. Virus cimpanzi diperolehi daripada dua sumber berbeza dan manusia juga boleh dijangkiti dua virus AIDS berbeza iaitu HIV-1 dan HIV-2 yang diperolehi daripada monyet Mangabey jelaga.

Penyelidik, Paul Sharp dari Institut Genetik Universiti Nottingham, berkata disebabkan wujud persamaan di antara cimpanzi dan manusia, setiap virus yang berjaya menyesuaikan diri dengan penyebaran di antara kera dan cimpanzi akan menjadi calon sesuai untuk berjangkit kepada manusia dan berpotensi menjadi HIV-3.

Pada peringkat tempatan, kajian kumpulan pakar yang diketuai Ketua Pusat Kecemerlangan Kajian Hidupan Liar, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Abdul Rani Bahaman, ketika ini lebih menjurus kepada isu bagaimana parasit dan bakteria boleh berjangkiti kera serta kemungkinan ia boleh merebak kepada manusia.

Turut dianggotai Dr Reuben Sharma, Dr Sumita Sugnaseelan, Prof Madya Dr Shaik Amin Babjee dan Prof Madya Dr Abdul Rahim Mutalib, kajian bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Kementerian Sumber Manusia itu bertumpu kepada monyet liar di negara ini terutama keupayaan menyebarkan virus (knowlesi) kepada manusia.

Dr Reuben berkata, kera boleh dijangkiti malaria disebabkan Plasmodium knowlesi iaitu sejenis protozoa darah yang boleh zoonitik (boleh merebak), tetapi kajian masih berjalan kerana jangkitan parasit itu bergantung kepada beberapa spesies nyamuk tertentu.

"Monyet liar juga boleh dijangkiti parasit gastrounus seperti Blastocystis, Cryptosporidium, Giardia, Entamoeba dan Balantidium. Parasit ini boleh menjangkiti manusia melalui pencemaran ke atas makanan atau minuman terkena najis kera," katanya ketika mengulas laporan *Berita Minggu* mengenai pelbagai jenis penyakit berbahaya disebarkan kera.

Ketika ini dianggarkan ada lebih 700,000 kera di Semenanjung dengan 480,000 tinggal di hutan dan baki di pinggir bandar atau kawasan penempatan dan pertanian. Ia menimbulkan kebimbangan orang ramai yang khuatir diserang hai-

wan itu serta risiko dijangkiti pelbagai penyakit dibawa kera seperti batuk kering, anjing gila, herpes B dan malaria.

Mengulas lanjut, Dr Reuben berkata, secara umumnya, bakteria gastrousus yang dikenal pasti iaitu E coli dan Salmonella boleh menjangkiti manusia yang makan atau minum bahan tercemar hingga menyebabkan cirit birit dan kajian juga mendapati penyakit manusia iaitu hepatitis dan batuk kering pula boleh menjangkiti kera.



*Kera boleh dijangkiti malaria disebabkan Plasmodium knowlesi iaitu sejenis protozoa darah yang boleh zoonitik (boleh merebak), tetapi kajian masih berjalan kerana jangkitan parasit itu bergantung kepada beberapa spesies nyamuk tertentu*

**Dr Reuben Sharma**  
Penyelidik

